

BAHAGIAN A : Ujian Objektif

Mengenali Negara Kita.

Aras Pengetahuan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan lagenda?
 - A asal nama sesuatu tempat.
 - B peristiwa pembukaan sesuatu tempat .
 - C peristiwa benar yang pernah berlaku dahulu.
 - D cerita dongeng yang berkaitan dengan sejarah.

Aras Kefahaman.

2. Antara yang berikut, senibina bangunan manakah yang banyak dipengaruhi oleh seni bina dari Negara Thai, Myanmar, dan China?
 - A kuil
 - B masjid
 - C gereja
 - D tokong atau pagoda

Aras Analisis.

Menghasilkan karya-karya bermutu untuk mendidik Meningkatkan imej setempat serta negara
--

3. Keterangan di atas merujuk kepada tokoh.....
 - A politik
 - B pendidikan
 - C kesusasteran
 - D kebudayaan

Aras Penilaian.

4. Pada pendapat anda, mengapakah kawasan peranginan tanah tinggi negara kita dianggap istimewa?
 - i. Udaranya sejuk, segar dan nyaman.
 - ii. Alam semulajadinya yang menarik.
 - iii. Terdapat pelbagai jenis flora dan fauna.
 - iv. Banyak disediakan kemudahan pelancongan dan rekreasi.

- A i,ii, dan iii
- B i,ii, dan iv
- C i,iii, dan iv
- D i,ii,iii, dan iv

Penerimaan/Kesedaran

5. Ketika menyanyikan lagu 'Negaraku' di sekolah, anda mendapati rakan-rakan anda membuat bising dan tidak menghormati lagu tersebut. Tindakan anda ialah....
- A berdiam diri
 - B memarahi mereka
 - C menegur kesilapan mereka
 - D membiarkan sahaja kelakuan tersebut

Psikomotor

6. Anda merupakan tokoh perniagaan yang dikagumi. Apakah sumbangan yang boleh anda berikan kepada masyarakat?
- A tidak memberikan kerjasama kepada mereka.
 - B tidak menggalakkan mereka untuk menceburkan diri.
 - C memberi pertolongan kepada orang yang anda sukai sahaja.
 - D memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan kepakaran.

Keindahan Negara Kita.

Aras pengetahuan

7. Haiwan manakah yang tidak terdapat di hutan Negara kita?
- A gajah
 - B enggang
 - C landak
 - D zirafah

Aras Kefahaman

8. Kawasan yang mencapai ketinggian yang melebihi 200 meter disebut....
- A banjaran
 - B tanah tinggi
 - C puncak
 - D bukit

Aras Aplikasi

9. Sekiranya Kuala Lumpur 39 meter tingginya, mengalami purata suhu tahunan kira-kira 27°C, apakah purata suhu tahunan yang mungkin dialami oleh sebuah tempat yang berada pada ketinggian 2000 meter?
- A 10 C
 - B 15 C
 - C 20 C
 - D 25 C

Aras Analisis

10. Faktor-faktor yang berikut menggalakkan pertumbuhan pelbagai jenis hutan di negara kita, kecuali...
- A tanah yang subur
 - B iklim yang sesuai
 - C galakan daripada kerajaan
 - D keadaan cuaca yang panas dan lembab sepanjang tahun

Aras Sintesis

Petempatan Pembangunan infrastruktur Pertanian
--

11. Senarai di atas merujuk kegiatan yang dapat dijalankan di kawasan...
- A beralun
 - B kaki bukit
 - C tanah pamah
 - D pinggir pantai

Aras Penilaian

12. Jika anda diberi pilihan untuk memilih kawasan-kawasan tertentu, kawasan manakah yang menjadi pilihan anda?
- A kawasan tepi pantai
 - B kawasan tanah tinggi
 - C kawasan tanah pamah
 - D kawasan pinggir pantai

Nilai/ Tindak balas

13. Anda telah melihat satu kebakaran hutan berhampiran dengan tempat tinggal anda. Anda telah melaporkan perkara tersebut kepada pihak bomba. tindakan anda dianggap...
- A sombong
 - B berbangga
 - C tidak amanah
 - D bertanggungjawab

Psikomotor

14. Anda telah terlibat tanpa sengaja dengan sedikit pemburuan haram. Apakah tindakan anda selanjutnya...
- A anda berusaha untuk keluar daripada kumpulan tersebut.
 - B anda tidak kisah dengan apa yang akan berlaku seterusnya.
 - C anda terus melibatkan diri kerana mendapat pulangan yang lumayan.
 - D anda keluar daripada kumpulan tersebut dan menasihati rakan-rakan anda..

Sejarah Negara Kita.

Aras Pengetahuan

- 15 Putera raja yang membuka Melaka berasal dari...
- A Siam
 - B Muar
 - C Temasik
 - D Palembang
- 16 Pemerintahan Portugis di Melaka tamat pada tahun...
- A 1511
 - B 1641
 - C 1461
 - D 1786

Aras Kefahaman

17. Dalam mentadbirkan kawasan-kawasan yang dikuasainya, kerajaan Brunei telah membahagikan kawasan-kawasan tersebut kepada beberapa...
- A daerah
 - B jajahan
 - C bahagian
 - D kampung

Aras Aplikasi

Nama sebenar beliau ialah Abdul Rahman. Beliau juga bergelar Orang Kaya Semantan. Beliau menentang Inggeris kerana Inggeris melarang pembesar tempatan memungut cukai.

18. Huraian di atas ini merujuk kepada...
- A Tok Janggut.
 - B Dato' Bahaman.
 - C Datuk Maharaja Lela.
 - D Haji Abdul Rahman Limbong.

Aras Sintesis

Penggunaan kapal korek dalam perlombongan bijih timah.
Penanaman getah secara ladang.
Menggalakkan kemasukkan buruh dari India dan China.

19. Senarai di atas ini merujuk kepada kesan penjajahan _____ di Tanah Melayu.
- A Jepun
 - B Portugis
 - C Belanda
 - D Inggeris

Aras Penilaian

20. Pada pendapat kamu, mengapakah Agama Islam mudah diterima oleh penduduk di Kepulauan Melayu kerana...
- A ajaran Islam mudah difahami dan tidak membezakan bangsa dan keturunan.
 - B agama Islam memang telah lama bertapak di Kepulauan Melayu.
 - C kebanyakan orang di Kepulauan Melayu sudah memeluk agama Islam.
 - D belum ada agama lain yang disampaikan kepada penduduk di Kepulauan Melayu kecuali agama Islam.

Penerimaan / Kesedaran

21. Setelah tokoh-tokoh terdahulu bersusah payah berjuang untuk memerdekakan negara, apakah sumbangan anda dalam memelihara kemerdekaan...
- A hidup bersatu padu
 - B mengambil sikap tidak peduli
 - C bergaduh antara satu sama lain
 - D tidak mahu bertanggungjawab terhadap negara

Nilai / Tindak Balas

22. Kedatangan Jepun pada zaman penjajahan menyebabkan rakyat negara kita hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan. Sekian lama perkara ini berlaku, anda menaruh perasaan.....
- A memusuhi
 - B membenci
 - C berdendam
 - D memaafkan

Psikomotor

23. Secara umumnya mengapakah perlu dilakukan penentangan oleh masyarakat setempat terhadap penjajah ?
- A untuk membuat kekacauan
 - B untuk membebaskan tanah air daripada terus dijajah
 - C untuk menunjukkan kedegilan penduduk setempat
 - D untuk menunjukkan kekuatan masyarakat setempat

Masyarakat Malaysia.

Aras Kefahaman

24. Selain di Muzium, dimanakah bahan-bahan seperti dokumen bersejarah dapat disimpan?
- A di bank
 - B di arkib
 - C di rumah
 - D di perpustakaan

Aras Aplikasi

25. Undang-undang dapat memupuk perpaduan kerana...
- i. Individu memahami dan mengetahui hak masing-masing dan tidak akan melakukan perkara yang boleh menyinggung perasaan orang lain.
 - ii. Undang-undang dapat membentuk masyarakat yang berdisiplin dan bertatasusila.
 - iii. Undang-undang dapat mencegah individu daripada berbuat sesuka hati yang boleh memudaratkan orang lain.
 - iv. Kegiatan jenayah dan rusuhan dapat dikawal.
- A i, ii, dan iii
 - B i, ii, dan iv
 - C ii, iii, dan iv
 - D i, ii, iii, dan iv

Aras Analisis

26. Yang berikut merupakan peringkat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dalam adat perkahwinan, kecuali...
- A merisik
 - B bertunang
 - C akad nikah
 - D upacara mengangkat sumpah

Aras Sintesis

27. Tan Sri P.Ramlee merupakan seorang tokoh yang terkenal di negara kita sebagai...
- i Penyanyi
 - ii Pelakon
 - iii Pelawak

iv Pengarah

- A i,ii, dan iii
- B i,iii, dan iv
- C ii,iii, dan iv
- D i,ii,iii, dan iv

Nilai / Tindak Balas

28. Antara yang berikut, manakah yang merupakan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah Negara kita?
- i. Mengadakan muzium di setiap negeri.
 - ii. Mengadakan kempen kesedaran dan pameran kepada orang ramai.
 - iii. Menggalakkan orang ramai mencari dan menyimpan bahan bersejarah yang ditemukan.
 - iv. Mewartakan bahan-bahan dan tempat bersejarah sebagai milik kerajaan.
- A i,ii, dan iii
 - B i,ii, dan iv
 - C ii, iii, dan iv
 - D i,ii,iii, dan iv

Penerimaan/ Kesedaran

29. Pada pendapat anda,tujuan tempat-tempat bersejarah diwartakan sebagai harta kerajaan adalah untuk....
- A dijadikan kawasan penyelidikan.
 - B dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.
 - C membolehkan kerja-kerja membaikpulih dijalankan.
 - D memastikan tempat tersebut tidak diceroboh atau dirosakkan

Psikomotor

30. Rakan baik anda telah melanggar peraturan sekolah, selaku pengawas apakah cara terbaik yang boleh anda lakukan supaya persahabatan anda tidak terjejas?
- A memberitahu kepada guru disiplin agar menasihatinya
 - B tidak menegurnya bimbang dia akan berkecil hati dengan sikap anda.
 - C memberitahu kepada rakan sekelas anda yang baik dengannya agar membuat teguran.
 - D menasihatinya dengan baik dan menjelaskan tanggungjawab anda menjaga disiplin sekolah agar dipatuhi.

BAHAGIAN B : Ujian Subjektif

(40 markah)

Mengenali Negara Kita.

Aras Pengetahuan

1. _____ merupakan makanan yang terkenal di negeri Melaka.

Aras Kefahaman

2. Orang yang menentang kemerdekaan pada masa dahulu merupakan tokoh perjuangan _____

Aras Analisis

3. Kebanyakan istana lama di negara kita dibina berdasarkan ciri-ciri senibina _____

Aras Sintesis

4. Keistimewaan pantai peranginan di negara kita ialah kerana _____

Psikomotor

5. Nyatakan tindakan anda sekiranya hutan simpan ditempat anda diceroboh.

Keindahan Negara Kita.

Aras Pengetahuan

6. Berikan jenis tumbuhan yang hidup dalam jenis hutan yang berikut:
 - i. Hutan Khatulistiwa : _____
 - ii. Hutan gunung : _____
 - iii. Belukar : _____
 - iv. Hutan pantai : _____
 - v. Hutan paya air tawar: _____

Aras Sintesis

7. Nyatakan **dua** keistimewaan hutan di negara kita.

- i. _____
- ii. _____

Sejarah Negara Kita.

Aras Pengetahuan dan Kefahaman

8. Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang betul.

Tokoh	Tempat penentangan	Sebab penentangan
a) Datuk Dol Said		
b) Tok Janggut		
c) Mat Salleh		
d) Banting		
e) Rentap		

Nilai/Tindak Balas

9. Berikan **lima** kesan penjajahan terhadap penduduk di negara kita.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

Masyarakat Malaysia.

Penilaian / Kesedaran

10. Berikan **dua** kepentingan untuk menjaga dan memulihara warisan sejarah bangsa.

- i. _____
- ii. _____

Psikomotor

11. Bagaimanakah kegiatan –kegiatan berikut dapat mewujudkan perpaduan.

- i. Bergotong-royong : _____
- ii. Hari sukan : _____